



SOALAN LAZIM: GERAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

A. MAKLUMAT UMUM GERAN

1. Apakah maksud Geran Penyelidikan dan Pembangunan SSM?

Geran Penyelidikan dan Pembangunan SSM merupakan inisiatif strategik yang dilaksanakan selaras dengan seksyen 17(f) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) bagi menyokong pelaksanaan penyelidikan berkaitan perniagaan dan korporat, sejajar dengan mandat, fungsi serta keutamaan strategik SSM.

2. Apakah objektif utama geran ini?

Geran ini bertujuan menyokong penambahbaikan dasar dan rangka kerja pengawalseliaan, meningkatkan tahap pematuhan, memperkukuh tadbir urus korporat serta meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan SSM.

3. Adakah geran ini bersifat akademik semata-mata?

Tidak. Geran ini memberi penekanan kepada penyelidikan berimpak tinggi termasuk penyelidikan dasar, inovasi dan pembangunan prototaip.

B. KELAYAKAN PEMOHON

1. Siapakah yang layak memohon geran ini?

Permohonan adalah terbuka kepada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Kementerian-Kementerian, Agensi-Agensi Kerajaan, Badan-Badan Berkanun, Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), sektor swasta serta warga kerja SSM.

2. Adakah permohonan secara kolaborasi digalakkan?

Permohonan secara kolaborasi antara institusi, sektor awam dan swasta amat digalakkan.

3. Adakah pemohon individu dibenarkan?

Permohonan hendaklah dikemukakan atas nama organisasi atau institusi. Walau bagaimanapun, warga kerja SSM boleh memohon secara individu tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

4. Apakah syarat pelantikan bagi seorang Ketua Penyelidik?

Ketua Penyelidik yang dilantik hendaklah merupakan seorang warganegara Malaysia dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

5. Adakah organisasi penyelidikan antarabangsa dibenarkan untuk memohon geran ini?

Buat masa ini, organisasi penyelidikan antarabangsa tidak dibenarkan memohon geran ini.

C. SKOP DAN FOKUS PENYEDIAAN

1. Apakah skop penyelidikan yang layak dibiayai?

Skop penyelidikan yang layak dibiayai merangkumi penyelidikan berkaitan tadbir urus korporat, pematuhan undang-undang, perakaunan dan audit, transformasi digital, keusahawanan serta kajian dasar berkaitan fungsi, peranan dan tanggungjawab SSM.

2. Apakah fokus skop penyelidikan dan pembangunan bagi geran ini?

Skop penyelidikan dan pembangunan bagi geran ini terbahagi kepada dua (2) fokus, iaitu fokus am dan fokus keutamaan.

3. Apakah fokus keutamaan penyelidikan bagi geran ini?

Keutamaan diberikan dalam pembangunan penyelesaian rintis berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) bagi penguatkuasaan, pematuhan dan sokongan kepada intermediari korporat, juruaudit serta pengarah syarikat, serta kajian hubungan antara pematuhan undang-undang dan tadbir urus korporat dengan prestasi syarikat.

4. Bolehkah pemohon memilih untuk mengemukakan permohonan di bawah fokus am atau fokus keutamaan?

Pemohon boleh mengemukakan permohonan di bawah fokus am dan fokus keutamaan, atau memilih salah satu (1) yang paling selaras dengan objektif kajian yang dicadangkan, selagi cadangan tersebut berada dalam skop penyelidikan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, cadangan di bawah fokus keutamaan akan diberi keutamaan pertimbangan sekiranya menunjukkan tahap penjajaran yang tinggi dengan keperluan strategik semasa SSM.

D. TEMPOH DAN PEMBIAYAAN

1. Berapa lamakah tempoh projek penyelidikan?

Tempoh projek penyelidikan adalah di antara satu (1) hingga 12 bulan, bergantung kepada skop dan kebolehlaksanaan kajian.

2. Bilakah jangkaan projek penyelidikan ini bermula dan bagaimanakah carta perbatuan (*milestone*) perlu disediakan?

Pelaksanaan projek penyelidikan dijangka bermula selepas kelulusan dan pemakluman keputusan oleh pihak SSM, iaitu sekitar suku tahun ketiga 2026. Oleh yang demikian, pemohon hendaklah menetapkan permulaan projek serta menyediakan carta perbatuan (*milestone*) bermula suku tahun ketiga 2026 dan ke atas.

3. Berapakah siling pembiayaan maksimum?

Siling pembiayaan maksimum adalah sebanyak RM100,000 bagi setiap projek penyelidikan.

4. Bagaimanakah pembayaran geran dilaksanakan?

Pembayaran geran akan dilaksanakan secara berfasa berdasarkan pencapaian carta perbatuan (*milestone*) projek yang dipersetujui.

E. TATACARA PERMOHONAN

1. Apakah cara untuk memohon geran ini?

Pemohon boleh memuat turun borang permohonan di portal rasmi SSM melalui www.ssm.com.my. Permohonan yang lengkap perlu dihantar melalui e-mel kepada Urus Setia Geran Penyelidikan dan Pembangunan SSM di alamat rndfund@ssm.com.my.

2. Adakah lanjutan masa penghantaran permohonan dibenarkan?

Sebarang permohonan lanjutan masa penghantaran permohonan adalah tidak dibenarkan.

3. Adakah permohonan boleh dikemukakan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris?

Permohonan boleh dikemukakan sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja.

F. PROSES PENILAIAN DAN KELULUSAN

1. Siapakah yang menilai permohonan geran?

Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Geran Penyelidikan dan Pembangunan (JNGP) SSM.

2. Siapakah yang meluluskan permohonan geran?

Kelulusan akhir permohonan geran akan diputuskan dalam Mesyuarat Pengurusan SSM.

3. Apakah kriteria utama penilaian?

Penilaian adalah berdasarkan penjajaran visi dan teras strategik SSM, kualiti metodologi, impak penyelidikan, keupayaan pasukan serta justifikasi bajet.

4. Adakah penyelidik dikehendaki untuk membentangkan kertas cadangan penyelidikan?

Kertas cadangan penyelidikan hanya akan dibentangkan mengikut keperluan bagi tujuan penilaian yang lebih terperinci. Perkara ini akan dimaklumkan kepada penyelidik sekiranya terdapat keperluan.

G. PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

1. Adakah laporan kemajuan diperlukan?

Laporan kemajuan dan laporan akhir adalah wajib untuk dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

2. Bilakah laporan akhir perlu dihantar?

Laporan akhir hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat projek.

3. Bolehkah skop atau tempoh projek dipinda?

Sebarang pindaan terhadap skop atau tempoh projek perlu dikemukakan kepada urus setia melalui e-mel dan tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Pengurusan SSM.

H. PENGURUSAN DANA DAN ETIKA

1. Apakah perbelanjaan yang dibenarkan?

Perbelanjaan yang dibenarkan adalah termasuk perbelanjaan bahan penyelidikan, elaun penyelidik sambilan, enumerator, pembantu penyelidik, perkhidmatan profesional, penerbitan hasil penyelidikan, percetakan, kos ujian lapangan, yuran pendaftaran hak cipta atau harta intelek, pembelian aset kekal serta perjalanan rasmi dalam negara berkaitan projek penyelidikan.

2. Adakah SSM akan menjalankan pemeriksaan audit?

SSM berhak menjalankan audit dan pemantauan kewangan bagi memastikan pematuhan terhadap terma dan syarat geran yang ditetapkan.

3. Apakah prinsip pelaksanaan penyelidikan ini?

Penyelidikan hendaklah dijalankan secara beretika, berintegriti dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

I. HASIL PENYELIDIKAN DAN PENAMATAN

1. Apakah status hak milik hasil penyelidikan setelah projek tamat?

Hasil penyelidikan adalah hak milik bersama antara SSM dan institusi penyelidik tertakluk kepada terma perjanjian.

2. Adakah geran R&D SSM boleh ditamatkan sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan atau kesalahan lain?

Geran boleh ditamatkan sekiranya berlaku ketidakpatuhan, penyelewengan atau kegagalan mencapai objektif projek.

3. Sekiranya pemohon berjaya mendapat tawaran geran ini, adakah penarikan diri daripada meneruskan projek dibenarkan?

Tidak, penarikan diri selepas kelulusan projek oleh SSM adalah tidak dibenarkan. Sekiranya perkara ini berlaku, penyelidik dan institusi berkaitan boleh dikenakan tindakan yang sewajarnya oleh pihak SSM.

J. PERTANYAAN

1. Siapakah yang boleh dihubungi untuk pertanyaan lanjut?

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada Urus Setia Geran Penyelidikan dan Pembangunan SSM melalui e-mel: rndfund@ssm.com.my sahaja.